

HARI : SABTU
TARIKH : 8/2/2020
M/SURAT : 20

Program food bank beri manfaat 25,000 isi rumah

Seremban: Program Food Bank Malaysia (FBM) dan Food Bank Siswa (FBS) Negeri Sembilan yang menjadi sebahagian usaha kerajaan negeri meringankan kos sara hidup rakyat memberi manfaat kepada lebih 25,000 perenerima hingga akhir bulan lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Kepenggunaan Negeri Sembilan, S Veerapan, berkata FBM dan FBS juga bertujuan mengurangkan pembaziran makanan.

Katanya, penerima bantuan terdiri daripada isi rumah berpendapatan B40, termasuk pelajar universiti awam dan swasta yang layak serta gelandangan.

“Sejak penubuhan FBM dan FBS pada Julai 2018 dan Februari 2019 sehingga akhir Januari lalu, kami menerima penyertaan 17 syarikat dan penyumbang terdiri daripada syarikat dan koperasi yang menjadi rakan strategik.

“Sepanjang tempoh itu juga, kami menerima kutipan 172,341 kilogram makanan.

“Kami bangga dengan kerjasa-ma semua penyumbang kepada FBM dan FBS dalam usaha memastikan golongan memerlukan dapat dibantu,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan FBM kepada lapan beradik yatim piatu di Taman Matrahari Indah Senawang, di sini, petang kelmarin.

Mereka ialah Nooramiliyana Amran, 18, Muhammad Amirul Aiman, 16, Muhammad Amar, 15, Nooramiera Natasha, 12, Nooramiezatul Sofea, 9, Noor Zalisha Qaisara, 6, Muhammad Amsyar, 3, dan Noor Zalisha Husna, berrusia setahun sembilan bulan.

Bapa mereka, Amran Isa, 39, meninggal dunia di Hospital Tuanku Ja'afar (HTJ), Seremban pada 23 Januari lalu selepas seminggu koma akibat jangkitan kuman pada paru-paru dan buah pinggang.

Terdahulu, isteri Amran, Zalifah Abdul Wahab, 36, meninggal dunia di hospital sama akibat masalah pada usus, pada Ogos 2018.

Veerapan berkata, pihaknya akan terus komited mengendalikan program itu dan berharap lebih ramai lagi penyumbang dapat tampil membantu golongan kurang bernasib baik dan merlukan bantuan.

“Mereka yang berminat untuk menyumbang atau menyertai program ini boleh berhubung dengan Seksyen Perdagangan Dalam Negeri pejabat KPDNHEP negeri di talian 06-6016415 atau e-mel kepada pdn_seremban@kpdnhep.gov.my,” katanya.